



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP/34/2013

Tawaran adalah dipelawa kepada kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred pendaftaran yang berkaitan iaitu:

**Gred G1
Kategori B
Pengkhususan B09**

serta masih sah tempoh lakunya dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:

“ KERJA-KERJA BERKAITAN DENGAN TAMAN DAN LANSKAP DI DEWAN SRI PINANG ”

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	01 April 2013 (Isnin)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Dahlia Dewan Sri Pinang, Lebu Light 10200 Pulau Pinang
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)

3. Tuan/ Puan adalah diminta membawa bersama dokumen asal dan salinan yang masih sah laku (salinan asal dan salinan fotostat) seperti berikut :

- i) **Cetakan Spesifikasi Kerja dan Kawasan Terlibat dari Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;**
- ii) **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB;**
- iii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan oleh CIDB; dan**
- iv) **Sijil Taraf Bumiputera oleh PKK (jika berkaitan).**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai **01 April 2013 (Isnin) selepas lawatan tapak**.

5. Dokumen Sebut Harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum @ pada 08 April 2013 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, Paras 25, KOMTAR, Jalan Penang, Pulau Pinang**. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **90 hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup (**08 Julai 2013**).

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang

SPESIFIKASI KERJA

TUGAS-TUGAS AM

Dalam tempoh pengurusan, Kontraktor hendaklah (tertakluk kepada arahan keseluruhannya daripada Pemilik) menguruskan penyelenggaraan dan kerja-kerja berkaitan Taman, Lanskap dan Haiwan Periharaan di sekitar Premis Tersebut mengikut cara yang betul, cekap dan untuk faedah Pemilik.

TUGAS BAGI KONTRAKTOR

Adalah menjadi tugas Kontraktor :

1. TUJUAN

Mengadakan kerja-kerja penyelenggaraan Taman, Lanskap dan Haiwan Periharaan di sekitar kawasan Dewan Sri Pinang sepertimana yang ditetapkan oleh pemilik.

2. BIDANG TUGAS

2.1 **KERJA - KERJA PENYELENGGARAAN RUMPUT, POKOK, POKOK BUNGA, PEMBERSIHAN SAMPAH-SARAP, PENCUCIAN KOLAM & AKUARIUM DAN PERKAKASAN LANSKAP**

Membekal peralatan, mesin dan lain-lain berkaitan bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan untuk keseluruhan kawasan lanskap dan taman bagi memastikan pokok hidup dengan subur dan sihat dalam penjagaan. Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara kemas dan teratur.

Skop kerja-kerja penyelenggara adalah seperti berikut:

a) **Pemotongan Rumput**

Kadar kekerapan memotong rumput adalah **dua (2) kali sebulan** atau 2 minggu sekali. Pemotongan hendaklah dibuat dengan anggaran 2 cm dari paras tanah, kemas dan sama rata agar kelihatan menarik.

b) **Merumpai**

Kerja-kerja merumpai perlu dilakukan seperti mencabut, membuang serta membersihkan kawasan tanaman rumput dari rumput liar, lalang, semalu dan sebagainya bagi memastikan kawasan bebas dari tumbuhan yang tidak diperlukan. **Rumpai perlu dicabut bersama akarnya. Kekerapan merumpai adalah setiap hari.**

c) **Menggembur**

Kerja-kerja menggembur perlu dibuat pada jejari minimum 150mm dari pangkal pokok dan tanah perlu digemburkan pada kedalaman 50mm secara manual dimana semua rumpai, sampah bahan buangan dan lain-lain bahan perlu dibuang semasa membuat kerja menggembur. **Rumpai perlu dicabut atau ditarah untuk membuang akarnya.** Sisa rumpai semasa menggembur

hendaklah dibersihkan, dimasukkan ke dalam beg plastik, diikat dan dibuang terus pada hari tersebut ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Pihak Kerajaan. **Kekerapan mengembur adalah setiap hari.**

d) Pokok & Pokok Bunga

Membuang semua tunas air, ranting atau dahan yang mati, patah, sekah, reput dan sebagainya. Sisa cantasan perlu dibersihkan terus dari tapak. Pangkasan pembersihan dibuat dengan mencantas dahan yang bersilang, melampai, dahan berpenyakit dan dahan tumbuh ke dalam silara. Pangkasan juga perlu dibuat untuk mengekalkan bentuk silara dan juga untuk mengawal ukuran silara supaya seragam dan tidak terlalu melampai. **Kekerapan pelaksanaan adalah sebanyak dua (2) bulan sekali.**

e) Pembajaan

Pihak kontraktor di kehendaki menjalankan kerja-kerja membaja keseluruhan kawasan berumput dengan menggunakan baja yang sesuai mengikut sukatan dan spesifikasi pihak kerajaan. **Kekerapan pelaksanaan adalah dua (2) bulan sekali.** Membaja perlu dilakukan ke atas semua pokok dan pokok bunga menggunakan kaedah secara taburan, mengikut kanopi pokok atau secara poket mengikut kesesuaian pokok. **Kekerapan pelaksanaan adalah satu (1) bulan sekali.**

f) Meracun Serangga / Penyakit

Menjalankan kerja-kerja meracun serangga / penyakit bagi kawasan yang di kenalpasti yang terkena serangan penyakit / serangga. Kontraktor juga perlu menyerahkan cadangan kaedah penggunaan bahan kimia untuk pengesahan pihak kerajaan dan tindakan kawalan. **Kekerapan pelaksanaan adalah dua (2) bulan sekali.**

g) Pembersihan, Penyapuan dan Pembuangan Sampah-Sarap

Menjalankan kerja-kerja mengutip, menyapu, membersihkan dan membuang semua sampah-sarap termasuk daun-daun kering, plastik, tin, kaca, kayu, pelepah pokok dan sebagainya setiap hari di keseluruhan kawasan landskap dan dataran. Membuang segala sampah sarap, puntung rokok serta bahan-bahan buangan lain yang tidak dikehendaki bagi memastikan pokok dalam pasu bersih dari sampah sarap. Sampah perlu dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam karung plastik sebelum dibuang ke pusat pelupusan sampah yang dibenar dengan kadar segera. **Kekerapan pelaksanaan adalah setiap hari.**

h) Penyiraman

Kerja-kerja penyiraman harus dijalankan di kawasan berumput, pokok bunga, pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok dan rumput digenangi air. Penyiraman juga perlu dilakukan sehingga tanah dibasahi air dengan kedalaman minimum 150 mm. Dikecualikan pada hari hujan lebat atau hujan berpanjangan. **Kekerapan pelaksanaan adalah dua (2) kali setiap hari.**

i) Pencucian Akurium & Kolam

Membersih dan mencuci kolam, akurium dan lain-lain berkaitan bagi memastikan kolam dan akurium dalam keadaan bersih dan haiwan peliharaan sihat dalam penjagaan. Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara kemas dan teratur. **Kekerapan pelaksanaan adalah kolam dua (2) kali sebulan dan akurium satu (1) kali sebulan.**

2.2 PENYELENGGARAAN MAKANAN HAIWAN PELIHARAAN & RAWATAN

Membekal dan menyediakan makanan haiwan peliharaan dan lain-lain berkaitan untuk penjagaan haiwan peliharaan bagi memastikan haiwan peliharaan sihat dalam penjagaan. Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara kemas dan teratur.

Skop kerja-kerja penyelenggara adalah seperti berikut:

a) Haiwan peliharaan adalah seperti berikut :-

- i) Burung Merak & Burung-burung
- ii) Ikan di kolam & Ikan di Akurium
- iii) Kura-kura
- iv) Iguana

Pihak kontraktor di kehendaki memberi makanan kesemua kolam dan akurium dengan menggunakan makanan yang sesuai mengikut sukatan dan spesifikasi pihak kerajaan. **Kekerapan pelaksanaan adalah dua (2) kali setiap hari.**

b) Rawatan

Kerja-kerja penjagaan haiwan peliharaan hendaklah diberi rawatan (jika perlu) bagi memastikan haiwan peliharaan dalam keadaan baik sihat dan terpeliharaan. **Kekerapan pelaksanaan adalah dua (2) bulan sekali.**

2.3 PENYELENGGARAAN MEMBAIKI / SERVIS MOTOR

Membaiki atau servis motor akurium dan kolam bagi memastikan motor berfungsi dengan baik . Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara kemas dan teratur.

Skop kerja-kerja penyelenggara adalah seperti berikut:

a) Pam atau Motor Kolam

Pihak kontraktor di kehendaki menyelenggara pam atau motor kolam dengan baik dan dapat berfungsi. Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan secara kemas dan teratur. **Kekerapan pelaksanaan adalah satu (1) kali sebulan.**

b) Pam Akurium

Pihak kontraktor di kehendaki menyelenggara pam akurium dengan baik dan dapat berfungsi. Pihak kontraktor hendaklah menjalankan kerja-kerja

penyelenggaraan secara kemas dan teratur. **Kekerapan pelaksanaan adalah satu (1) kali setiap dua (2) bulan.**

2.4 Bidang Tugas kerja-kerja penyelenggaraan tersebut boleh juga dibahagikan kepada 4 bahagian:-

- a. Kerja Harian
- b. Kerja Mingguan
- c. Kerja Bulanan
- d. Kerja Tahunan

Huraian lanjut bidang tugas kerja-kerja berkaitan dengan taman, lanskap dan haiwan peliharaan adalah seperti berikut :-

a. Kerja Harian

- i. Mengutip/ menyapu semua sampah sarap dan dedaun kering.
- ii. Menyapu dan membersihkan longkang-longkang dan memastikan aliran air berjalan lancar.
- iii. Menyiram pokok-pokok lanskap sekurang-kurangnya 2 kali sehari.
- iv. Membuang keluar sampah sarap di dalam kolam pancutan air, kolam ikan, kura-kura dan motor pam.
- v. Memastikan pam kolam ikan, pam air terjun, pam akuarium ikan sentiasa berfungsi dengan baik dan memberi makan 200 – 300 ekor ikan dengan palet 2 kali sehari.
- vi. Mencuci sangkar tiga (3) ekor burung merak, burung-burung, kura-kura, kolam air pancutan dan memberi makan dedak, palet dan sayur kangkung.
- vii. Mencuci sangkar iguana dan memberi makan sayur kangkung.

b. Kerja Mingguan

- i. **Memotong rumput dan tumbuhan liar sekeliling kawasan Dewan Sri Pinang.**
 - Kerja-kerja memotong rumput ini hendaklah pendek lebih kurang 2 cm daripada paras tanah.
 - Kerja-kerja memotong rumput “Japanese Grass” dengan menggunakan mesin rumput khas.

- Kerja-kerja memotong rumput juga adalah meliputi menyunting pokok-pokok lanskap, pokok-pokok teduhan dan jika sekiranya terdapat dahan-dahan, pokok-pokok kecil hidup atau mati yang merbahaya dan tidak dikehendaki ianya hendaklah dibuang keluar daripada kawasan tapak.
- Di kawasan pagar hendaklah dibuang segala pokok-pokok yang menjalar ke pagar dan pokok-pokok kecil yang hidup atau mati hendaklah dibuang keluar daripada tapak.
- Semua kawasan yang rata hendaklah dipotong dengan mesin memotong rumput. Kerja-kerja menebas dengan menggunakan pisau boleh dilaksanakan di kawasan yang tidak rata.
- Menyelenggara lampu-lampu lanskap dan filter ultra light tube di kolam dan akuarium.

ii. Menggemburkan tanah dan menyemai pokok lanskap.

- Menggantikan atau menanam semula sekiranya terdapat pokok-pokok yang rosak, mati atau hilang.
- Menyemai anak-anak pokok untuk digantikan pokok yang rosak.

iii. Kerja Dua (2) Minggu Sekali.

- Mencuci air akuarium ikan, kolam ikan yang kotor / berlumut. Kolam besar empat (4) buah, kolam kecil tiga (3) buah dan akuarium tiga (3) buah.
- Menggantikan air kolam ikan mengikut sukatan dan rawatan air yang sewajarnya.
- Menggantikan ikan-ikan yang mati jika disebabkan kecuai/ kerana kurang arif tentang sukatan campuran air rawatan ikan.

c. Kerja Bulanan

- Membaja pokok-pokok lanskap mengikut spesifikasi tempoh pembajaan yang ditentukan mengikut jenis baja yang digunakan.
- Menyembur racun serangga jika terdapat serangga perosak yang merosakkan pokok-pokok lanskap.
- Mencuci penapis kolam ikan (berus dan lain-lain peralatan).

- Mencuci sembilan (9) 'hose tube *air pump*' (3 bulan sekali penyelenggaraan) – lokasi bawah tangga kolam.

d. Kerja Tahunan

- Memberi suntikan ke atas tiga (3) ekor burung merak [satu(1) kali setahun].
- Memberi ubat titik di minuman semua burung dalam sangkar [satu(1) kali setahun].
- Membubuh ubat jentik-jentik di kolam kura-kura dan tiga(3) kolam kecil [tiga(3) bulan sekali].
- Membubuh ubat anti-biotic dan ubatan lain yang bersesuaian di kolam ikan dan akuarium [satu(1) bulan sekali].
- Mampu memperbaiki pam-pam yang rosak serta-merta (sepanjang tahun - jika ada)

3. HARI DAN WAKTU BEKERJA

Jadual waktu bekerja terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut :-

i. **Waktu Kerja Biasa**

Isnin hingga Jumaat - 7.30 pagi hingga 5.30 petang

ii. **JANGKA MASA -Waktu Kerja Lebih Masa**

Sabtu, Ahad dan Cuti - 7.30 pagi hingga 5.30 petang
Kelepasan Am (Mengikut keperluan)

Isnin hingga Ahad - Malam (penyelenggaraan lampu)
dan Cuti Kelepasan Am (Mengikut keperluan)

4. LAIN-LAIN ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

- Kontraktor dikehendaki menyediakan **lima [5] orang pekerja** dan **satu [1] orang penyelia** bagi menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan taman, lanskap dan peliharaan haiwan di sekitar bangunan Dewan Sri Pinang.
- Kontraktor dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya **dua [2] orang pekerja** tambahan untuk bekerja lebih masa sekiranya diarahkan pada bila-bila masa dan Kerajaan Negeri tidak terikat untuk membayar kerja-kerja tambahan tersebut.

5. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR MENENTUKAN BAHAWA:

- 5.1 Semua pekerja-pekerja mestilah:
 - (i) Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja penyelenggaraan taman (lanskap) dan peliharaan haiwan;
 - (ii) Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja rawatan air kolam ikan, akuarium dan pam motor serta lampu lanskap;
 - (iii) Mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja penjagaan ikan, iguana, kura-kura, merak dan burung;
 - (iv) Lengkap berpakaian seragam dan mempunyai tanda nama;
 - (v) Bersikap jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab; dan
 - (vi) Bebas dari rekod jenayah.
- 5.2 Kontraktor dikehendaki menyerahkan butiran lengkap peribadi pekerja seperti nama, nombor kad pengenalan dan lain-lain kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tujuan rekod.
- 5.3 Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi kerja-kerja yang dijadualkan dan mengadakan seorang pegawai atasan untuk membuat lawatan/pemeriksaan pada tiap-tiap hari untuk memastikan mutu taman (lanskap) dan haiwan peliharaan bersih serta tatatertib pekerja-pekerja yang bertugas memuaskan.
- 5.4 Kontraktor dikehendaki menyediakan Buku Rekod Kedatangan Pekerja dan semua pekerja mesti menandatangani buku kedatangan ketika hadir dan balik dari bertugas. Buku Rekod Kedatangan hendaklah diserahkan kepada Penyelia Dewan Sri Pinang setiap hari untuk pengesahan.
- 5.5 Mutu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memuaskan dan hanya sah dengan perakuan oleh Penyelia Dewan Sri Pinang selaku pegawai yang diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- 5.6 Kontraktor dikehendaki mengemukakan satu **JADUAL KERJA** harian/mingguan/bulanan/tahunan di dalam mengendalikan kerja-kerja tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- 5.7 Kontraktor hendaklah menempatkan seorang kakitangan di ruang yang akan ditetapkan supaya mudah dihubungi pada bila-bila masa. Segala perabot/kelengkapan hendaklah disediakan oleh pihak kontraktor.
- 5.8 Semua kerosakan kepada harta Kerajaan Negeri yang berlaku atas kecuaiian kontraktor akan dibiayai oleh kontraktor.
- 5.9 Kerja-kerja penyelenggaraan boleh ditambah dari semasa ke semasa dan Kerajaan Negeri tidak terikat untuk membayar bagi kerja-kerja tambahan yang akan diperlukan dari semasa ke semasa.
- 5.10 Kontraktor dikehendaki menyediakan senarai bahan-bahan dan peralatan-peralatan yang akan digunakan di dalam kerja tersebut dan menghantar senarai berkenaan bersama-sama dengan sebut harga di dalam format yang disertakan. Bahan-bahan yang akan digunapakai hendaklah dari jenis non-corrosive.

- 5.11 Kerajaan Negeri berhak mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk memberhenti mana-mana pekerja yang didapati tidak berdisiplin dan tidak mematuhi arahan atau melanggar mana-mana undang-undang yang menyebabkan terjejasnya imej Kerajaan Negeri.
- 5.12 Kontraktor dikehendaki menyediakan 'Check List' bagi kerja-kerja harian/mingguan/bulanan/tahunan yang telah dijadualkan seperti contoh di bawah:

JADUAL LAPORAN HARIAN/MINGGUAN/BULANAN/TAHUNAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGAN TAMAN (LANSKAP) & PELIHARAAN HAIWAN DI DEWAN SRI PINANG

BIL.	PERKARA	HARIAN	MINGGUAN	BULANAN	TAHUNAN	CATATAN
1.	Longkang Besar					Membersih
2.	Penjalan Kaki					Menyapu dan membersih
3.	Kawasan Letak Kenderaan					Menyapu dan membersih
4.	Pokok & Pokok Bunga					Menyiram & Memotong
5.	Kolam Ikan & Pam					Membersih

NOTA :

 : PERKHIDMATAN